



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004
Pemenang Anugerah Perdana
Teknologi Maklumat 2006*



Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Kami : JPA(S)(K)134/8/56 Klt.2(14)

Tarikh : 27 Disember 2007

Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan / Puan

URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN-JAWATAN KUMPULAN SOKONGAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman tuan/puan Jabatan ini sedang melaksanakan urusan kenaikan pangkat pegawai-pegawai yang sedang memegang jawatan-jawatan Kumpulan Sokongan Gunasama Persekutuan seperti berikut:-

- i. Penolong Pegawai Tadbir
- ii. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
- iii. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
- iv. Pembantu Tadbir (Kewangan)
- v. Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)

Pegawai-pegawai yang terlibat dalam urusan ini adalah terdiri daripada mereka yang **sedang memegang jawatan tersebut di atas pada atau sebelum 31.8.2007 dan telah lulus semua penilaian tahap kecekapan yang telah ditetapkan.**

3. Sehubungan dengan itu Jabatan ini memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk menyediakan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 2006 dan 2007 atau Laporan Nilai Prestasi Khas (LNP Khas) bagi gred yang dipangku dan melengkapkan borang pengesahan Ketua Jabatan seperti di Lampiran A** bagi pegawai yang telah memenuhi syarat seperti di atas bagi melancarkan urusan kenaikan pangkat ini. LNP Khas hendaklah disediakan dengan menggunakan Borang Prestasi JPA (prestasi) 4/2002 atau 5/2002 (Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)) dan hendaklah disediakan secara adil, objektif dan benar-benar mencerminkan prestasi pegawai atas gred yang dipangku bagi menjamin keadilan kepada pegawai berkenaan dan pegawai-pegawai lain yang dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat tersebut.

4. Di samping itu, sekiranya masih terdapat pegawai di jabatan tuan/puan yang memangku lebih daripada 6 bulan tetapi **belum memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan** maka kerjasama tuan/puan juga adalah dipohon untuk memaklumkan jabatan ini nama pegawai berkenaan bagi tujuan pengemaskinian maklumat.

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut;

i. Mohd Shahrin bin Hussin	03-88854102
ii. Mohd Rashidi bin Baba	03-88854345
iii. Zainon binti Shaari	03-88854353
iv. Munirah binti Mahmood	03-88854939
v. Kartika Khairunnisa binti Kamisan	03-88854278

6. Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dikemukakan dengan segera kepada alamat berikut sebelum **31 Januari 2008**:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Aras 6, Blok C2, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p.: Encik Mohd Shahrin bin Hussin)

7. Kerjasama tuan/puan di dalam urusan ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah


(**MOHD SHAHRIM BIN HUSSIN**)

Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Pegurusan Perkhidmatan Gunasama
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

Tel : 03-88854102
Email : shahrin.hussin@jpa.gov.my

**SURAT PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI TUJUAN
PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN SOKONGAN
GUNASAMA PERSEKUTUAN**

1. Saya mengesahkan bahawa
No. K/P jawatan
telah mematuhi perkara-perkara berikut :-
- (a) bebas dari hukuman / tindakan tatatertib ;
 - (b) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
 - (c) lulus tapisan Badan Pencegah Rasuah; dan
 - (d) lulus semua Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan.
2. Dengan ini saya ***memperakukan / tidak memperakukan** kenaikan pangkat bagi pegawai ini.

.....
Tandatangan Ketua Jabatan

Nama:

Jawatan:

Cop Jabatan:

Tarikh:

****potong mana yang tidak berkenaan.***